

IBADAH HAJI, SEJARAH DAN KESANNYA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah serta menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keampunan dan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Alhamdulillah, sebahagian para jemaah haji sedang bergerak balik ke tanah air. Marilah kita bersama-sama berdoa agar ibadah mereka diterima dan mereka selamat balik ke tanah air.

Ibadah haji adalah syariat yang dilakukan oleh junjungan Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam sebagai membaharui dan menyambung ajaran Nabi Allah Ibrahim alaihissalam. Mengikut qaul yang masyhur Ibadah

haji mula diwajibkan ke atas umat Islam pada tahun ke enam hijrah dengan turunnya ayat 97 surah Ali Imran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: *Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan Ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam menunaikan fardhu haji sekali sahaja semasa hayat baginda. Haji tersebut dinamakan *Hajjatul Wada.* ' Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam mengambil masa sembilan hari dalam perjalanan dari Madinah ke kota Makkah bersama isteri baginda dan ribuan sahabat.

Ibadah Haji membentuk dan mewujudkan rasa persamaan dalam kalangan umat Islam. Tiada perbezaan antara kaya dan miskin, putih dan hitam, mereka semua adalah sama sepertimana ketika dibangunkan di akhirat nanti. Jutaan umat Islam datang dari serata pelusuk dunia dengan niat dan matlamat yang satu, iaitu untuk mengerjakan ibadah haji.

Sekalipun mereka berlainan bahasa dan budaya, berlainan adat dan resam, berlainan bangsa dan negara, tetapi mereka memakai pakaian yang sama, beraqidah dan kepercayaan yang serupa, iaitu mengesa dan mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu wa Taala. Mereka menunaikan ibadah yang sama, seperti melontar jumrah, bertawaf dan bersaie. Kehadiran mereka dengan niat yang suci semata-mata untuk beribadat memohon supaya amalan diterima dan mendapat keampunan segala dosa daripada Allah Subhanahu wa Taala. Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرُفْثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang mengerjakan haji dan tidak berkata kotor atau berbuat jahat, dia balik seperti hari dilahirkan oleh ibunya.*

Ibadah Haji mampu mengeratkan *Ukhwah Islamiah* iaitu persaudaraan Islam yang teguh lagi perkasa yang boleh menakutkan musuh Islam. Sekalipun kedudukan negara umat Islam berjauhan di antara satu dengan yang lain, namun mereka semua telah dipertemukan oleh Allah Subhanahu wa Taala di bumi Makkah iaitu tempat lahirnya agama Islam yang suci. Di Makkahlah tempat umat Islam berhimpun untuk mengadakan perbincangan demi masa depan umat Islam. Dari sini terpancarlah cahaya tauhid dan *Ukhwah Islamiah* ke segenap penjuru dunia bahawa kota Makkah adalah lambang kesatuan dan perpaduan ummah.

Perhimpunan raksasa ini sudah tentu digeruni musuh, kerana umat Islam sebenarnya adalah satu umat yang bersatu padu, saling menghormati dan berkasih sayang. Mereka diikat dengan akidah Islamiah yang kuat. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah Al-Haj ayat 27:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ

يَأْتِيكَ مِنْ كُلِّ فَيْحٍ عَمِيقٍ

Yang bermaksud: *"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.*

Mereka yang berada di Baitullah, tergambarlah dalam fikiran jemaah haji kepada dua orang nabi Allah iaitu nabi Ibrahim alaihissalam, dan nabi Ismail alaihissalam membangunkan Kaabah. Tergambar jugalah peristiwa Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wasallam mencium Hajar Aswad dan menghancurkan patung-patung yang menjadi sembahkan kaum jahilliah.

Begitu juga apabila berada di Bukit Shafa dan Marwah para jemaah akan teringat kembali peristiwa Saidatuna Hajar alaihassalam berlari-lari anak mencari air untuk bayinya Ismail. Seterusnya apabila berada di Mina sewaktu melontar jamrah, mereka dapat membayangkan peristiwa nabi Allah Ibrahim alaihissalam melawan pujukan syaitan sambil melontarnya dengan batu. Sementara di Arafah pula mereka semua berdoa mengharapkan rahmat dan keampunan Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersatu padu sesama kita dalam meninggikan syiar Islam serta memakmurkan negeri yang kita cintai. Seterusnya marilah kita berazam untuk menunaikan fardhu haji dan janganlah melengah-lengahkannya. Bagi mereka yang telah menunaikan haji pertingkatkanlah amalan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Taala seperti solat berjemaah di masjid dan menjaga akhlak yang mulia sebagai seorang muslim. Itu lah sebahagian tanda haji yang mabrur.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Yang bermaksud: *Dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.